(7.87g/cm^3). Takat lebur Al ($660.4\text{ }^\circ\text{C}$) juga lebih rendah daripada besi ($1538\text{ }^\circ\text{C}$). Al mempunyai struktur hablur berbentuk kiub berpusat muka (KBM) pada suhu bilik (Callister,1997). Al tulen dapat menghasilkan satu lapisan oksida terlindung iaitu alumina (Al_2O_3) yang menyebabkan Al tulen mempunyai rintangan kakisan yang baik. Al mempunyai sifat kekonduksian haba dan elektrik yang baik. Al tulen bersifat mulur kerana mempunyai pemanjangan terikan sebanyak 21 %. Tetapi Al tulen mempunyai kekuatan tegangan yang rendah iaitu 70 MPa dan kekerasan yang rendah (Kaczmar, 2000).

Komposit matriks Al adalah campuran Al atau aloi Al dengan bahan penguat seperti bahan seramik yang lazim seperti Al_2O_3 dikaji oleh Zamzam dan El-Kharbotly (1993), Huda et. al (1994), Mezzasalma (2000), Martinez et. al (2003), Zebarjad et. al. (2007), silikon karbida (SiC) oleh Suresh et. al. (1993), Bhanuprasad et. al. (2002), Zaki dan Aleem (2002), grafit oleh Legzdins et. al. (1997), boron (B) dan titanium bromide (TiB_2). Komposit matriks Al ini mendapat perhatian ramai penyelidik kerana cirri-cirinya lebih baik berbanding Al dan aloi Al. Komposit ini dilaporkan mempunyai modulus kekuatan tegangan yang baik, kekuatan rayapan yang tinggi, tahan lesu, rintangan hentaman yang baik dan kekerasan yang tinggi.

Al_2O_3 mempunyai ketumpatan pukal 3.96 g/cm^3 , takat lebur yang tinggi iaitu $2054\text{ }^\circ\text{C}$, sifat rintangan aliran elektrik baik dan kekonduksian haba lemah. Al_2O_3 mempunyai nilai kekerasan yang baik dan kekuatan tegangan yang tinggi. Al_2O_3 bersifat tegar dan pekali pengembangan terma pada suhu tinggi adalah rendah iaitu sebanyak $8.2\text{ }\mu\text{m/K}$. Al_2O_3 merupakan bahan polihablur yang dapat dibentuk dengan proses pensinteran atau penekanan panas pada suhu $1700\text{ }^\circ\text{C}$ (Murno, 1997).

Oleh itu, penambahan partikel Al_2O_3 ke dalam matriks Al akan memperbaiki beberapa sifat matriks seperti rintangan haus, kekuatan tegangan, pekali

pengembangan terma dan kekerasan. KML ini bukan sahaja membaiki sifat asal matriks Al malah dapat mengekalkan sifat asal Al yang menarik. Sifat yang dikekalkan ialah rintangan kakisan, pengaliran elektrik (mungkin berkurang pada skala kecil), ketumpatan rendah, kekonduksian terma dan keliatan KML ini secara umum sesuai diaplikasikan dalam bidang automotif dan aeroangkasa.

Terdapat beberapa sifat KML ini yang menyebabkan bahan ini berpotensi dalam bidang automotif. Ramai penyelidik berusaha keras mencari bahan baru yang dapat menghasilkan komponen enjin yang mempunyai ketumpatan rendah, kebisingan dikurangkan pada tahap minimum dan penggunaan bahan api dengan efektif. KML ini mempunyai sifat unik termasuk kekuatan tegangan dan keliatan tinggi bersama rintangan haus, pekali pengembangan terma rendah dan akhir sekali kekonduksian haba tinggi. KML ini juga lazim dihasilkan dengan kaedah yang murah iaitu penuangan campuran, penyemperitan tuangan malah metalurgi serbuk juga diberi perhatian sekarang. KML ini sesuai diaplikasi dalam penghasilan piston, rod sambungan, bahagian injap keretapi dan sambungan silinder. Aplikasi yang paling berjaya ialah KML ini mampu menghasilkan komponen sarungan cincin enjin diesel (Cahn, 1996).

Pencarian bahan baru dalam bidang aeroangkasa merupakan satu pendekatan untuk menggantikan bahan konvensional seperti logam aloi dan seramik yang mempunyai aplikasi terhad. KML ini mempunyai ciri unik seperti pekali pengembangan terma linear rendah, rintangan kakisan rendah dan ketumpatan rendah menjadi bahan tarikan minat para pereka enjin dan rangka kapal terbang (Cahn, 1996)

Bahan matriks yang sering digunakan ialah aloi aluminium berbanding logam lain. Ini disebabkan terdapatnya kombinasi ciri yang unik antara ketahanan kakisan, ketumpatan rendah dan sifat mekanikal yang baik pada logam ini. Aloi aluminium yang

biasa digunakan sebagai bahan matriks adalah 1XXX (aluminium tulen), 2XXX (aloi aluminium-kuprum), 5XXX (aloi aluminium-magnesium), 6XXX (aloi aluminium-magnesium-silikon), 7XXX (aloi aluminium-zink) dan 8XXX (aloi aluminium-lithium).

Al 6061 iaitu aloi aluminium-magnesium-silikon dengan kekuatan yang sederhana tinggi dan kekuatan lesu yang sederhana sering digunakan sebagai bahan matriks. Komposit matriks aloi aluminium-kuprum adalah lebih baik berbanding matriks aloi aluminium-zink. Terdapat suatu lapisan antara muka matriks-tetulang bagi komposit matriks aluminium-zink yang akan melemahkan sifat komposit ini. Aloi aluminium-silikon-magnesium digunakan secara meluas untuk pelbagai kegunaan yang memerlukan nisbah kekuatan per berat yang tinggi. Aloi aluminium-silikon seperti A356 dan A357 mempunyai kemuluran yang tinggi. Ini memudahkan proses pembentukan sekunder (Jasmi, 2003).

Di antara komposit aloi aluminium yang telah dikomersialkan oleh pengeluar adalah DWA *Aluminum Composite* (6092/SiC/17.5p, 6092/SiC/25p, 2009/SiC/XXp), *Alyn Corporation* (6092/SiC or B₄C/XXp), *Aerospace Metal Composites* (2124/SiC/25p or AMC225xe, 6061/SiC/40p or AMC640xa) dan *Duralcan* (359/SiC/XXp, 339/SiC/XXp) (Hunt, 2000).

1.2 Penyataan Masalah

Penyelidikan terhadap komposit matriks aluminium diperkuat dengan partikel alumina ini didorong oleh permasalahan dan faktor berikut iaitu kerintangan kakisan yang rendah oleh matriks aloi aluminium, penambahan bahan seramik (Al₂O₃) dapat meningkatkan sifat mekanikal matriks aluminium tulen dan kajian kesan saiz partikel dan peratusan berat alumina terhadap sifat mekanikal dan kakisan komposit aluminium tulen.

Ramai penyelidik seperti Fontana (1987), Ghali (2000), Murakami (2000), Pidaparti (2008) menjalankan penyelidikan terhadap matriks aluminium yang di aloi dengan dengan unsur pengaloiian seperti kuprum (Cu), zink (Zn), mangan (Mn) dan magnesium (Mg) berbanding matriks aluminium tulen. Walau bagaimanapun, menurut mereka penambahan unsur pengaloiian ini akan merendahkan rintangan kakisan matriks tersebut. Matriks aluminium tanpa unsur pengaloiian dapat mengatasi masalah ini (Chang, et. al., 2008). Kakisan adalah fenomena elektrokimia, di mana matriks yang terdiri dari satu fasa atau lebih yang homogen mempunyai sifat rintangan kakisan yang lebih baik disebabkan oleh keupayaan elektrokimia/galvanik yang hampir sama. Berbanding matriks aloi yang mempunyai dua atau lebih fasa yang mempunyai beza keupayaan yang tinggi. Oleh itu, matriks aluminium tulen adalah secara relatif mempunyai kerintangan terhadap kakisan yang lebih baik berbanding matriks aloi aluminium (Ghali, 2000). Bagi aloi Al-Cu, kewujudan fasa CuAl_2 menyebabkan matriks aloi mempunyai beza keupayaan dan mengakibatkan kakisan antarabutir. Penambahan unsur Mg melebihi 5% ke dalam matriks Al-Mg akan menyebabkan kecenderungan untuk jujuk Al dan Mg termendak dari larutan pepejal. Medium kakisan tertentu akan menyerang jujuk tersebut (Ghali, 2000).

Ramai penyelidik seperti Taha (2001), Murakami (2000) dan El-Sabbagh (1999) melaporkan bahawa penambahan unsur penguat seperti bahan seramik (Al_2O_3 , SiC, TiC dan WC) dapat meningkatkan kekuatan mekanikal komposit matriks aloi aluminium. Mereka berpendapat penambahan bahan seramik ke dalam matriks dapat meningkat kekakuan, kekerasan dan kerintangan terhadap kehausan. Tiada penyelidikan khusus yang telah dijalankan mengenai penghasilan dan pencirian komposit yang serupa tetapi menggunakan aluminium tulen sebagai matriks.

Penggunaan partikel Al_2O_3 dilaporkan dapat meningkatkan kekuatan mekanikal komposit matriks aluminium kerana sifatnya yang keras, lengai, isotropik dan stabil

(Yang, 2007; Zaberjad dan Sajjadi, 2007). Satu kajian berkaitan dengan saiz partikel Al_2O_3 terhadap sifat-sifat komposit aluminium tulen perlu dilakukan. Sehingga sekarang kebanyakan penyelidikan hanya tertumpu kepada kesan pecahan isipadu sahaja seperti yang dilakukan oleh Zaberjad dan Sajjadi (2007), Al-Qutub et. al. (2006) serta Zamzam dan El-Kharbotly (1993).

1.3 Objektif Kajian

Terdapat dua objektif penyelidikan ini dijalankan :

1. Menentukan parameter optimum dalam penghasilan komposit matriks aluminium tulen (KMAT) diperkuatkan partikel Al_2O_3 yang mempunyai kekuatan mekanikal dan kerintangan kakisan yang memuaskan.
2. Mengkaji kesan saiz partikel dan peratusan berat bahan penguat Al_2O_3 terhadap sifat fizikal, mekanikal, terma dan kerintangan kakisan KMAT .

1.4 Pendekatan Kajian

Terdapat lima fasa utama dalam kajian ini iaitu:

Fasa 1 : Analisis terhadap bahan mentah yang digunakan dalam penghasilan komposit KML Al tulen diperkuat Al_2O_3 .

Pencirian bahan mentah dilakukan bagi mengenal pasti morfologi partikel, saiz dan taburan saiz partikel, komposisi kimia, fasa dan penentuan graviti spesifik serbuk bahan mula. Pencirian ini penting bagi mengkaji sifat-sifat bahan mentah yang boleh mempengaruhi sifat komposit yang dihasilkan.

Fasa 2: Kajian terhadap parameter optimum penghasilan komposit matriks aluminium tulen yang diperkuat partikel alumina melalui kaedah metalurgi serbuk.

Fasa ini melibatkan kajian bagi menentukan parameter optimum yang sesuai digunakan dalam proses fabrikasi atau penghasilan KML Al tulen yang diperkuat dengan partikel Al_2O_3 . Kajian ini melibatkan penentuan nilai optimum parameter pencampuran (tempoh pencampuran dan peratusan berat bebola pengadun), parameter pemadatan (tekanan) dan parameter pensinteran (tempoh rendaman) komposit yang akan dihasilkan.

Fasa 3 : Kajian terhadap kesan saiz partikel bahan penguat keatas sifat-sifat fizikal, mekanikal dan terma komposit Al- Al_2O_3 .

Fasa ini melibatkan kajian terhadap kesan saiz partikel Al_2O_3 ke atas sifat-sifat fizikal, mekanikal dan terma komposit KML Al tulen diperkuat partikel Al_2O_3 yang dihasilkan. Di antara ujian yang dijalankan adalah seperti ketumpatan, keliangan, analisis mikrostruktur, ujian mikrokekerasan, ujian rintangan haus, ujian kekuatan modulus getaran sonik, ujian kelenturan tiga titik, ujian pengembangan terma (CTE). Saiz partikel Al_2O_3 yang digunakan dalam kajian adalah 0.5 μm , 1.0 μm , 3.0 μm , 12.0 μm dan 25.0 μm .

Fasa 4 : Kajian terhadap kesan peratusan berat bahan penguat terhadap sifat-sifat fizikal, mekanikal dan terma komposit Al- Al_2O_3 .


Fasa ini melibatkan kajian terhadap peratusan berat partikel Al_2O_3 ke atas sifat-sifat fizikal, mekanikal dan terma komposit KML Al tulen diperkuat partikel Al_2O_3

yang dihasilkan. Di antara ujian yang dijalankan adalah seperti ketumpatan, keliangan, analisis mikrostruktur, ujian mikrokekerasan, ujian rintangan haus, ujian kekuatan modulus getaran sonik, ujian kelenturan tiga titik, ujian pengembangan terma (CTE). Peratusan berat yang digunakan dalam kajian ini adalah 5, 10, 15, dan 20 % berat bahan penguat (partikel Al_2O_3).

Fasa 5 : Kajian terhadap kesan saiz partikel dan peratusan berat bahan penguat ke atas sifat kerintangan kakisan komposit Al- Al_2O_3 .

Fasa terakhir adalah kajian terhadap kesan saiz partikel dan peratusan berat Al_2O_3 terhadap sifat kerintangan kakisan komposit KML Al tulen diperkuat partikel Al_2O_3 . Ujian kakisan menggunakan kaedah elektrokimia dilakukan bagi menentukan kadar kakisan komposit Al- Al_2O_3 yang dihasilkan.

Ringkasan kajian ini digambarkan dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1: Carta alir penyelidikan kajian kesan saiz dan peratusan berat partikel Al₂O₃ terhadap sifat-sifat komposit KML Al tulen diperkuat partikel Al₂O₃ melalui kaedah metalurgi serbuk.

BAB 2

KAJIAN PERSURATAN

BAB 2

KAJIAN PERSURATAN

2.1 Pendahuluan

Terdapat banyak situasi dalam kejuruteraan, dimana tiada satu bahan tunggal yang sesuai atau dapat memenuhi keperluan reka bentuk dan aplikasi tertentu. Kebanyakan perkembangan produk teknologi kini memerlukan sifat-sifat bahan yang unik yang tidak dapat dipenuhi oleh aloi logam konvensional, seramik dan bahan polimer semata-mata. Sebagai contohnya dalam bidang industri pembuatan kapal terbang, seorang jurutera inginkan bahan struktur yang berketumpatan rendah, kuat, tegar dan mempunyai rintangan lelasan dan hentaman yang baik. Secara lazimnya bahan yang kuat adalah tumpat dan peningkatan kekuatan atau kemuluran akan memberikan kekuatan hentaman yang lemah. Oleh, itu adalah sukar atau mustahil sesuatu bahan itu dapat memenuhi semua keperluan ini. Walaupun begitu, apabila dua bahan digabungkan mungkin boleh mempunyai sifat diperlukan dan memberi penyelesaian terhadap masalah pemilihan bahan yang memerlukan sifat unik ini. Kombinasi sifat-sifat bahan yang diperlukan telah wujud dengan terhasilnya bahan komposit. Secara umumnya, komposit adalah bahan berbilang fasa. Bahan komposit menawarkan sifat-sifat yang menarik hasil dari gabungan dua atau lebih bahan.

Komposit pertama yang wujud dalam kehidupan kita adalah dari alam semulajadi, contohnya kayu. Kayu adalah komposit gentian selulosa yang bergabung dengan perekat atau matriks lignin lembut. Pengubahsuaian komposit semulajadi ini boleh dilakukan dengan menambah bahan butiran tambahan dalam kayu lapis pada arah melintang bagi memperbaiki kelemahan disebabkan kayu lebih lemah dalam keadaan melintang daripada keadaan memanjang. Konsep komposit juga telah digunakan sejak beribu-ribu tahun dahulu. Orang Eskimo di Greenland mengeraskan air laut sebagai ais berhablur garam untuk dijadikan struktur binaan yang bersifat lebih

keras daripada ais tasik. Begitu juga dengan struktur tanah liat yang diperkuatkan dengan jerami yang dijadikan sebagai bahan binaan (Frantsevich, 2000).

2.2 Definisi bahan komposit

Terdapat pelbagai definisi bagi bahan komposit bergantung kepada pandangan penulis masing-masing. Secara ringkas bahan komposit boleh didefinisikan sebagai hasil gabungan dua atau lebih bahan lain untuk membentuk bahan baru yang mempunyai sifat-sifat hasilan gabungan kedua-dua bahan asal (Budinski & Budinski, 1999). Dalam era moden ini bahan komposit boleh didefinisikan sebagai suatu sistem bahan yang mengandungi campuran atau gabungan dua atau lebih jujuk-jujuk mikro atau makro (yang mempunyai pembezaan dalam segi komposisi kimia, dan pada dasarnya tidak melarut antara satu sama lain), serta memiliki sifat-sifat yang lebih baik daripada sifat komponen-komponen individu tersebut (Schwartz, 1992). Namun begitu, ramai orang menggunakan definisi seperti di bawah sebagai suatu perkara asas untuk memahami dengan lebih jelas berkaitan dengan bahan komposit:


- i Suatu komposit itu mengandungi lebih dari satu bahan dan dapat dipisahkan secara mekanikal dan fizikal.
- ii Komposit boleh dihasilkan dengan mencampurkan bahan–bahan yang berlainan sehingga mencapai kepada suatu tahap dimana salah satu bahan tersebut tersebar di dalam bahan jujuk yang satu lagi dengan kaedah yang terkawal agar suatu sifat yang optimum dapat diperolehi.
- iii Sifat komposit yang terhasil adalah lebih baik dan mungkin unik dari aspek-aspek tertentu berbanding komponen–komponen jujuknya.

Dari segi sifat struktur, bahan komposit boleh ditakrifkan secara ringkas dengan suatu bahan yang terdiri daripada fasa matriks dan penguat (Theodore,1999). Gabungan dua fasa ini terdiri daripada fasa pertama yang dikenali sebagai fasa penguat atau tetulang yang terdiri daripada bentuk kepingan, gentian dan partikel. Fasa penguat merupakan fasa yang ditambahkan pada pecahan isipadu yang lebih rendah daripada fasa matriks untuk membentuk antaramuka dengan fasa matriks. Fungsi bahan penguat dalam komposit adalah bergantung kepada sifat asal bahan penguat dan sifat antaramuka yang terbentuk. Fasa ini lebih bersifat kaku dan kuat. Manakala fasa kedua pula adalah fasa yang mengelilingi dan mengikat fasa penguat dikenali sebagai fasa matriks. Fasa matriks ini lebih cenderung bersifat mulur dan liat. Matriks juga berfungsi memindahkan atau mengagihkan beban keaan kepada bahan penguat. Mekanisme pemindahan tersebut bergantung kepada ikatan antaramuka di antara matriks dan bahan penguat. Secara asasnya terdapat tiga jenis bahan sebagai fasa matriks yang lazim digunakan iaitu fasa polimer, fasa seramik dan fasa logam (Clyne, 2000).


2.3 Pengkelasan komposit

Komposit dikelaskan berasaskan kepada jenis matriks dan bentuk-bentuk fasa penguat di dalam jasad komposit tersebut. Komposit dapat digolongkan mengikut kumpulan matriks yang digunakan iaitu, komposit matriks logam (KML), komposit matriks polimer (KMP) dan komposit matriks seramik (KMS). Selain itu, komposit dapat dikumpulkan mengikut taburan komponen yang terserak, misalnya komposit selanjar atau tak selanjar. Komposit juga dikategorikan mengikut geometri bahan penguat, contohnya komposit gentian, laminat dan partikel.

Secara umum komposit dapat dikelaskan kepada tiga jenis bentuk bahan penguat iaitu komposit yang diperkuat dengan partikel, komposit yang diperkuat dengan gentian dan komposit struktur. Rajah 2.1 menunjukkan secara ringkas pengkelasan komposit.



(a) Pengkelasan berdasarkan matriks



(b) Pengkelasan berdasarkan bentuk bahan penguat

Rajah 2.1: Pengkelasan pelbagai jenis komposit (a) pengkelasan berdasarkan matriks dan (b) pengkelasan berdasarkan bentuk bahan penguat. (Callister, 2006).

2.4 Fasa matriks

Fasa matriks bertindak sebagai bahan yang mengikat kedudukan fasa penguat dan berfungsi sebagai medium untuk peralihan tegasan yang diterima olehnya (matriks) lalu dipindahkan kepada fasa penguat. Fasa matriks hanya akan menanggung sebahagian kecil sahaja beban yang dikenakan terhadapnya. Bahan yang akan dijadikan sebagai fasa matriks perlulah bersifat mulur. Bagi fasa penguat, bahan tersebut hendaklah mempunyai modulus elastik yang lebih tinggi daripada fasa matriks (Chawla, 1987; Callister, 2006; Frantsevich, 2000). Selain itu, fasa matriks berfungsi untuk melindungi fasa penguat daripada mengalami sebarang kerosakan

permukaan seperti kecalaran dan sebagainya. Kerosakan permukaan ini boleh berpunca daripada lelasan (tindakan mekanikal) ataupun tindakbalas kimia yang dialami oleh bahan. Ini penting bagi mengelakkan keretakan terhadap komposit yang boleh menyebabkan kekuatan struktur komposit akan menurun dan berkemungkinan akan mengalami kegagalan pada tegasan-tegangan yang rendah. Fasa matriks turut berfungsi sebagai medium yang dapat mengelakkan keretakan daripada merebak kepada fasa-fasa penguat yang berdekatan.

Seandainya keretakan ini tidak dihalang, kegagalan secara tiba-tiba terhadap struktur komposit boleh berlaku dan hal ini amat berbahaya. Perkara penting yang perlu diberikan penekanan di dalam struktur sesebuah komposit adalah berkaitan dengan kekuatan rekatan di antara fasa penguat dengan fasa matriks. Daya rekatan di antara kedua-duanya mestilah tinggi bagi mengurangkan risiko penyingkiran fasa penguat daripada fasa matriks. Dalam hal ini, keserasian di antara fasa matriks dan fasa penguat perlu dikaji terlebih dahulu agar kekuatan rekatan yang tinggi dapat diperolehi.

Setiap bahan matriks ini mempunyai sifat-sifat yang berlainan antara satu sama lain. Pemilihan fasa matriks adalah berdasarkan (Pagounis et. al., 1996):

- i Keserasian dengan fasa pengukuh yang menentukan interaksi antaramuka.
- ii Sifat akhir komposit yang dihasilkan.
- iii Rekabentuk komponen yang dihasilkan.
- iv Kemudahan pemprosesan.
- v Kos penghasilan.

Ciri-ciri matriks adalah penting dalam fabrikasi komposit. Matriks tersebut akan mempengaruhi penguatan komposit. Salah satu faktor yang sering dipertimbangkan

dalam penghasilan komposit adalah interaksi jujuk-jujuk di dalam komposit antara satu dengan yang lain. Interaksi antara fasa matriks dan fasa penguat di antaramuka mempengaruhi sifat mekanikal komposit (Pagounis et. al, 1996). Seelok-eloknya, jujuk-jujuk ini saling tidak bertindakbalas secara kimia mahupun metalurgi. Di sini peranan antaramuka antara matriks dan fasa penguat adalah penting dan semua ini mempunyai hubungkait terhadap sempadan butir di dalam bahan-bahan monolitik (Weeton,1987).

2.4.1 Jenis-jenis bahan fasa matriks

Secara asasnya terdapat tiga jenis bahan matriks yang lazim digunakan iaitu polimer, logam dan seramik. Jadual 2.1 menunjukkan pelbagai jenis bahan-bahan matriks yang sering digunakan dalam komposit (Lee et. al., 1987).

Jadual 2.1 : Pelbagai jenis bahan matriks (Lee et. al.,1987)

BAHAN MATRIKS		
LOGAM	POLIMER	SERAMIK
Aluminium	Epoksi	Alumina
Zink	Polimida	Porselin
Kobalt	Polisulfon	Plaster
Kuprum	Polisterin	Karbon
Nikel	Dialil phatalat	Silikon nitrida
Perak	Fenolik	
Gangsa	Aramid	
Magnesium	Poliester	
Ferum	Polikarbonat	
Titanium		
Grafit		
Semua aloi logam yang disebut di atas		

2.4.1.1 Matriks polimer

Penggunaan polimer sebagai matriks telah mendahului logam dan seramik. Ini adalah kerana bahan polimer lebih murah berbanding logam dan seramik. Polimer terdiri daripada dua jenis iaitu termoset dan termoplastik. Matriks polimer termoset epoksi lazimnya digunakan untuk menghasilkan komposit berprestasi tinggi.

Walau bagaimanapun, polimer tidak dapat bertahan pada suhu tinggi. Julat suhu yang mampu ditanggung adalah di antara 100-200⁰C. Sesetengahnya pula boleh digunakan pada suhu lebih kurang 300⁰C. Setakat ini polimer dari kumpulan resin poliimida berupaya menahan pendedahan berterusan pada suhu lebih daripada 300⁰C.

Contoh matriks polimer terbaik adalah polimer termoplastik, yang dikenali sebagai polietereterketon (PEEK). PEEK melebur pada suhu 334⁰C. Oleh kerana termoplastik bersifat lebih liat daripada termoset menyebabkan PEEK lebih mudah diproses. Tetapi suhu yang lebih tinggi sering diketengahkan menyebabkan matriks seperti logam dan seramik diperlukan.

2.4.1.2 Matriks logam

Logam membenarkan penggunaan pada suhu yang lebih tinggi sehingga mencapai suhu 1000⁰C. Tumpuan diberikan kepada matriks yang terdiri daripada aluminium, titanium dan magnesium yang lazimnya diperkuat dengan alumina (Al₂O₃) dan silikon karbida (SiC). Penggunaan logam sebagai matriks akan menghasilkan komposit yang mempunyai kekakuan dan kekuatan yang tinggi serta boleh beroperasi pada suhu yang lebih tinggi berbanding bahan matriks polimer. Namun, kos yang tinggi menyukarkan penghasilan komposit jenis ini dan menjadikan harga pengeluarannya tinggi. Perbincangan selanjut mengenai matriks logam akan diterangkan di subtopik berikutnya.

2.4.1.3 Matriks seramik

Bahan seramik mengandungi gabungan satu atau lebih unsur logam dengan unsur bukan logam seperti O, C atau N. Contoh bahan seramik yang lazim diperolehi adalah seperti Al₂O₃, B₄C, NaO, CaO, SiAlON, Si₃N₄, dan SiC. Seramik mempunyai ikatan ionik yang tinggi dan sedikit sahaja sistem gelinciran wujud jika dibandingkan dengan logam. Keadaan sedemikian menyebabkan bahan ini dikategorikan sebagai

bahan yang bersifat kuat tetapi rapuh, yaitu tegasan kegagalan dan ketahanan yang rendah. Selain terkenal dengan sifat rapuh, seramik juga mempunyai kejutan mekanikal serta kekuatan tegangan yang rendah. Kelebihannya, bahan seramik boleh bertahan pada suhu yang sangat tinggi. Ketahanan pada suhu tinggi merupakan sifat terpenting dan menjadi sebab utama untuk menghasilkan bahan baru berasaskan seramik yang berkekuatan tinggi. Sebagai contoh, superaloi logam yang digunakan dalam enjin jet hanya mampu bertahan sehingga 800°C, dan mungkin sehingga 1000°C jika dilakukan saduran antioksidan. Apabila melepasi takat suhu ini, bahan seramik adalah pilihan yang paling sesuai digunakan. Walau bagaimanapun, kelemahan utama seramik adalah sifat rapuh yang melampau sehinggalah hanya sedikit kecacatan permukaan (calar atau takik) atau kecacatan dalaman (liang, retak mikro atau rangkuman) boleh mengakibatkan kemusnahan sekaligus.

SiC mempunyai kerintangan pada suhu tinggi yang baik tetapi bahan ini sangat rapuh pada suhu tersebut. Titanium diborida dan silikon nitrida juga merupakan bahan matriks seramik yang penting. Antara seramik-seramik oksida, Al_2O_3 dan Zr_2O_3 lebih berpotensi untuk dimajukan. Kaca, kaca oksid-nitrida dan kaca seramik juga adalah bahan matriks seramik yang sering digunakan. Penggunaan kaca seramik memperlihatkan keadaan matriks berkekaca diikuti penghabluran matriks untuk mencapai kestabilan pada suhu tinggi. Matriks seramik biasanya difabrikasi sebagai komposit yang diperkuatkan dengan gentian bertujuan bukan hanya untuk mencapai kekuatan dan kekerasan yang tinggi, tetapi juga untuk kestabilan pada suhu tinggi dan menambahkan sifat ketahanan patah (Chawla, 1987).

2.5 Fasa penguat

Fasa penguat merupakan salah satu komponen penting yang perlu wujud di dalam sesuatu komposit. Sesuatu bahan yang ingin dijadikan sebagai bahan penguat harus mempunyai ciri-ciri penting seperti ketegaran spesifik dan kekuatan spesifik yang

tinggi (Feest, 1986). Selain itu, takat lebur dan suhu penguraian yang tinggi bagi sesuatu bahan penguat diperlukan bagi mengelakkan bahan ini daripada mengalami kemusnahan pada suhu rendah.

Penguat terbahagi kepada dua iaitu penguat selanjar dan penguat tak selanjar. Penguat selanjar menyebabkan suatu komposit itu bersifat tidak isotropik. Bagi penguat tak selanjar pula, komposit tersebut mempunyai ciri-ciri yang bebas daripada orientasi yang diukur, maka sifatnya adalah lebih isotropik (Mykkanen., 1987). Penguat tak selanjar adalah dalam bentuk partikel, sesungut dan gentian pendek manakala bagi penguat selanjar adalah bentuk filamen. Jadual 2.2 menyenaraikan pelbagai bahan yang digunakan sebagai bahan penguat.

Jadual 2.2 : Jenis bahan yang lazim digunakan sebagai bahan penguat dalam komposit (Mykkanen, 1987).

<p><u>Partikel</u> Tungsten (W) Molibdenum (Mo) Kromium (Cr) Alumina (Al₂O₃) Silikon Karbida (SiC) Titanium Karbida (TiC) Tungsten Karbida (WC) Kromium Karbida (Cr₃C₂) Silika (SiO₂) Titanium Borite (TiB₂) Boron Karbida (B₄C)</p> <p><u>Filamen</u> Tungsten (W) Titanium (Ti) Molibdenum (Mo) Berilium (Be) Keluli Nirkarat Niobium-Stanum (NbSn) Niobium-Titanium (NbTi)</p>	<p><u>Gentian</u> Alumina-Saffil™ Gentian Karbon Altex Tryanno</p> <p><u>Sesungut</u> Silikon Karbida (SiC) Nikel Alumida (NiAl₃) Grafit (C) Silikon Nitrida (Si₃N₄) Besi (Fe) Kuprum (Cu)</p>
--	---

Pemilihan yang teliti terhadap bahan matriks dan bahan penguat yang sesuai perlu dilakukan kerana penghasilan komposit yang bermutu amat berkait rapat dengan keserasian ikatan yang berlaku di antara fasa matriks dan fasa penguat. Keserasian di antara kedua-dua fasa ini dipengaruhi oleh dua faktor iaitu kestabilan tindakbalas yang berlaku di antara kedua-dua fasa matriks dengan fasa penguat dan perbezaan pekali pengembangan termal (King, 1990). Interaksi yang tidak terlalu lama di antara penguat dan matriks semasa fabrikasi adalah perlu bagi membolehkan ikatan yang kukuh berlaku.

Tindakbalas yang terlalu lama di antara penguat dan matriks akan menyebabkan pembentukan sebatian pada antaramuka. Sebagai contoh, pendedahan SiC di dalam leburan aluminium dalam jangka masa yang lama akan menghasilkan pembentukan Al_4C_3 . Kesannya, berlaku degradasi dan prestasi komposit matriks logam akan terjejas (King, 1990 dan Portnoi et. al, 1991).

Namun begitu, terdapat juga keadaan bahan penguat perlu disalut bagi menghalang interaksi dengan fasa matriks (Ward-Close dan Partridge, 1990). Di samping itu, ada juga komposit yang memerlukan pembasahan bahan penguat oleh fasa matriks (Rohatgi et. al, 1986). Sebagai contoh, mika telah digunakan sebagai penguat di dalam leburan aluminium. Untuk menggalakkan pembasahan pada mika, sedikit penambahan magnesium dilakukan (Nath dan Namboodhiri, 1989). Bahan penguat karbon dalam bentuk partikel dapat dibasahi oleh fasa matriks dengan penambahan 0.5% magnesium dan 0.5% silikon (Chawla, 1987) manakala gentian karbon sering disalut dengan titanium borida untuk berlakunya pembasahan.

2.5.1 Gentian

Selama bertahun-tahun, banyak penyelidikan telah dijalankan terhadap gentian terutamanya untuk kegunaan komposit logam. Gentian yang penting menjelang

pertengahan tahun 1990an adalah alumina, boron dan silikon karbida. Terdapat bahan yang telah dimajukan, contohnya ialah “Tryanno Fiber”, iaitu silikon karbida yang berasaskan bahan seperti titanium, silikon dan karbon (Jasmi, 2003).

Jadual 2.3 menunjukkan sifat-sifat penguat gentian yang penting dalam komposit matriks logam, iaitu alumina, boron, karbon dan silikon karbida. Contoh gentian karbon komersial adalah P-120 yang dihasilkan oleh Amoco Performance Products yang mempunyai kekuatan dan kekonduksian terma yang tinggi. Gentian alumina komersial dihasilkan oleh tiga pengeluar iaitu, Du Pont (FP), Sumitomo (Altex), dan ICI (Saffil). Jadual 2.4 menunjukkan komposisi kimia gentian alumina komersial.

Jadual 2.3 : Sifat-sifat penguat gentian (Jasmi, 2003).

Gentian	Graviti Spesifik (gcm^{-3})	Modulus (GPa)	Kekuatan Tegangan (GPa)	Modulus Spesifik (GPa)	Kekatan Spesifik (GPa)
Alumina-FP	3.9	360	1.4	9.2	0.36
Alumina-Altex	3.2	210	1.8	65	0.56
Alumina-Saffil	3.3	300	2.0	99	0.61
Boron	2.5	400	2.8	160	1.12
Karbon-P-120	2.2	820	1.4	373	0.63
Silikon karbida-SCS	3.0	430	2.8	143	0.93
Silikon karbida-Nicalon	2.6	190	2.8	73	1.10
E-kaca	2.6	72	1.7	28	0.65

Jadual 2.4 : Komposisi kimia gentian alumina (Jasmi,2003).

Produk	Komposisi (wt%)	
	Alumina	Silika
Du Pont (FP)	≥ 99	≤ 1
Sumitomo (Altex)	85	15
ICI (Saffil – gred FR)	95-97	3-4

2.5.2 Sesungut

Dipertengahan tahun 1990an, silikon karbida merupakan salah satu daripada penguat sesungut yang lazim digunakan. Ini adalah disebabkan modulus dan kekuatan yang dimiliki oleh silikon karbida adalah dalam julat 700 MPa sehingga 13 GPa.

2.5.3 Partikel

Penguat partikel berbeza daripada penguat sesungut dan gentian dari segi taburan juzuk-juzuk penguat. Selalunya taburan partikel penguat adalah secara rawak bukan terarah. Komposit yang diperkuat dengan partikel selalunya adalah bersifat isotropik. Partikel penguat ini cenderung untuk menghadkan pergerakan fasa matriks pada persekitaran setiap partikel. Darjah penguatan atau kemajuan kelakuan mekanikal adalah bergantung kepada ikatan kuat antaramuka matriks-partikel. Silikon karbida dan alumina merupakan bahan penguat partikel lazim digunakan dalam fabrikasi komposit (Schwartz, 1992).

2.5.4 Filamen

Di antara penguat filamen logam yang digunakan sebagai penguat dalam komposit logam adalah titanium, tungsten, molibdenum, berilum dan keluli nirkarat. Filamen tungsten mempunyai rintangan rayapan yang baik pada suhu tinggi. Walaupun filamen logam mempunyai ketumpatan yang tinggi tetapi apabila bergabung dan ditetulang dengan superaloi, komposit ini boleh digunakan dalam aplikasi turbin gas pesawat udara.

2.6 Antaramuka matriks dan penguat

Sifat mekanikal ditentukan oleh mikrostruktur komposit, jenis bahan fasa penguat, pecahan isipadu penguat, komposisi matriks dan kekuatan antaramuka matriks dan penguat. Antaramuka adalah lapisan nipis yang terletak diantara

permukaan penguat dan matriks, iaitu lebih kurang 0.1 μm dan memainkan peranan yang penting (Matthews & Rawlings, 2002).

Antaramuka berfungsi untuk memindahkan tegasan daripada fasa matriks kepada fasa penguat. Oleh itu, bahan penguat mesti mempunyai ikatan yang kuat dengan matriks sekiranya kekuatan dan ketahanan yang tinggi diperlukan dalam sesuatu bahan komposit. Kelakuan retak juga bergantung kepada kekuatan antaramuka. Antaramuka yang lemah boleh menyebabkan kekuatan dan ketahanan yang rendah tetapi rintangan yang tinggi terhadap kegagalan. Sebaliknya, antaramuka yang kuat memudahkan pemindahan tegasan dan membekalkan kekuatan dan kekerasan yang tinggi tetapi rintangan kegagalan adalah rendah iaitu menunjukkan sifat rapuh. Oleh itu, adalah penting untuk menunjukkan sifat mikrostruktur antaramuka untuk memahami interaksi antara penguat dengan matriks semasa pemrosesan dan perhubungan di antara mikrostruktur dengan sifat mekanikal.

2.6.1 Ikatan antaramuka

Ikatan antaramuka dikawal oleh unsur pengaloiian, sifat kimia permukaan penguat dan masa persentuhan di antara penguat dengan leburan pada suhu pemrosesan. Apabila matriks membasahi penguat, terdapat persentuhan dengan penguat dan ikatan akan berlaku. Terdapat pelbagai jenis ikatan terbentuk dan lebih daripada satu jenis mekanisme ikatan pada suatu masa yang sama seperti ikatan mekanikal dan elektrostatik. Mekanisme ikatan mungkin berubah semasa peringkat pengeluaran atau semasa penggunaan. Sebagai contohnya, ikatan elektrostatik akan berubah kepada ikatan kimia. Jenis ikatan berubah dari satu sistem ke satu sistem yang lain. Terdapat empat jenis mekanisme ikatan, iaitu ikatan mekanikal, ikatan elektrostatik, ikatan kimia dan pembauran molekul matriks dan penguat.